

24/11/2001

Pemimpin diminta menjiwai demokrasi

Nadzim Ahmad Jamalludin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pergerakan Pemuda Umno mahu semua pihak khususnya pemimpin parti itu menjiwai proses demokrasi bagi mengelak usaha cuba menghalang kemasukan semula bekas ahli atau orang baru ke dalam parti berkenaan.

Exco Pemuda Umno, Mohd Norza Zakaria, berkata ketika Umno menghadapi krisis keyakinan dan perpecahan di kalangan orang Melayu, jawatan yang dipegang oleh seseorang pemimpin Umno bukan lagi menjadi satu keistimewaan.

"Sebaliknya, tanggungjawab mereka (pemimpin Umno) adalah untuk memberi keutamaan kepada parti dengan memastikan Umno terus menjadi wadah bagi orang Melayu," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas permintaan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pemimpin parti di semua peringkat tidak cuba menghalang kemasukan semula bekas ahli atau orang baru selain menghindar amalan berpuak dalam parti berkenaan.

Perdana Menteri berkata, sikap mengejar jawatan ketua dalam parti sama ada pada peringkat cawangan atau bahagian boleh melemahkan parti.

Beliau berkata, antara kelemahan ketara dalam Umno ialah sikap biar sedikit asal menjadi ketua sehingga sanggup menyekat kemasukan ahli baru bagi membolehkan mereka terus memegang jawatan penting dalam parti.

Mohd Norza yang juga Pengerusi Biro Teknologi Maklumat (IT) Pemuda Umno, berkata pemimpin Umno juga perlu menghapuskan sikap suka berbangga diri apabila memegang sesuatu jawatan itu untuk tempoh yang lama tetapi gagal membawa sebarang perubahan.

"Tidak ada gunanya seseorang pemimpin itu berbangga dengan memegang sesuatu jawatan itu untuk tempoh yang lama tetapi gagal membawa perubahan kepada rakyat," katanya.

(END)